

17 OCT 2000  
Mahathir-FDI

#### KERAJAAN BENARKAN LEBIH BANYAK FDI DLM SEKTOR PELABUHAN DAN PENERBANGAN

PETALING JAYA, 17 Okt (Bernama) -- Kerajaan akan membenarkan lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) dalam syarikat pelabuhan dan penerbangan tempatan kerana adalah penting untuk mewujudkan hubungan yang strategik, kata Perdana Menteri hari ini .

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata demikian sebagai menjawab satu soalan pada persidangan media di sini, mengenai sama ada Belanjawan 2001 yang akan dibentangkan, akan mengandungi langkah seumpama itu.

"Kita tidak membenarkan orang ramai semata-mata melabur. Seperti dana pencen, mereka hanya melabur dan tidak membawa apa-apa hasil kecuali wang.

"Apa yang kita mahu lihat ialah pelabur dengan kepakaran, pasaran atau perkhidmatan tertentu yang akan menyumbang ke arah prestasi kemudahan kita menerusi pelaburan mereka," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucap-tama pada persidangan K-ekonomi anjuran Biro Keanggotaan Berbahasa Inggeris MCA.

Apabila ditanya sama ada terdapat lebih banyak insentif untuk menarik FDI dalam sektor pelabuhan dan penerbangan, Dr Mahathir berpendapat ia tidak perlu dilakukan.

Beliau menjelaskan bahawa keputusan pelaburan itu tidak dibuat keseluruhannya disebabkan oleh insentif, kerana pihak lain juga boleh menawarkan bentuk insentif yang sama.

Keputusan perniagaan dibuat berasaskan kepada suasana politik dan kestabilan sesebuah negara serta pengurusan dan pertumbuhan ekonomi negara, katanya.

Mengenai sama ada cukai lebih berat akan dikenakan ke atas industri tembakau, Dr Mahathir berkata ia adalah satu "rahsia sulit."

Menteri kabinet sendiri tidak dimaklumkan mengenai perkara itu, katanya.

Beliau berkata secara umumnya industri tembakau merasa bimbang terhadap belanjawan itu kerana terdapat cukai-cukai baru yang akan diperkenalkan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menyatakan industri tembakau boleh terus bertahan walaupun dengan pengenalan cukai-cukai baru dan membuat banyak keuntungan.

Mengenai teras Belanjawan 2001, Perdana Menteri berkata: "Kerajaan sentiasa berusaha mengadakan belanjawan yang baik yang akan merangsangkan ekonomi."

Apabila ditanya sama ada Belanjawan 2001 disasarkan untuk menarik lebih banyak FDI secara umumnya, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak mempunyai masalah untuk menarik FDI berbeza dengan dakwaan oleh sesetengah pihak bahawa negara-negara lain menawarkan insentif yang lebih baik.

Negara mempunyai banyak kelebihan yang membuatkan pelabur-pelabur asing merasakan Malaysia adalah satu pertaruhan yang baik, katanya.

Apabila ditanya sama ada belanjawan itu akan mengandungi langkah-langkah baru untuk merangsangkan penggunaan domestik, Dr Mahathir berkata ia sudahpun dilaksanakan dengan langkah kerajaan meningkatkan gaji kakitangan kerajaan sebanyak 10 peratus.

Dan mengenai sama ada cukai korporat akan dikurangkan, beliau berkata kerajaan telah berjanji akan menurunkan cukai korporat.

Bagaimanapun Dr Mahathir enggan menyatakan sama ada langkah ini akan diumumkan dalam Belanjawan 2001.

Mengenai perkara lain, Dr Mahathir berkata kerajaan mahu memperbaharui keseluruhan kurikulum pendidikan tetapi menghadapi masalah daripada segi dana.

"Kita tidak mempunyai dana mencukupi untuk menukar semua sekolah menjadi sekolah bestari tetapi kerajaan berhasrat untuk melaksanakannya," katanya.

Beliau berkata program sekolah bestari akan bermula dengan satu kumpulan sekolah pada peringkat awalnya untuk mendapat pengalaman terlebih dahulu sebelum program itu dikembangkan ke semua sekolah.

-- BERNAMA

MAD MFJ FR ZK RON